

POTENSI PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT-QARD HASAN MELALUI DANA ZAKAT PASCA COVID-19 DI MALAYSIA

(The Potential of Micro Credit-Qard Hasan Financing Through Zakat Fund Post Covid-19 In Malaysia)

Mohamad Ihsan Zulkifli

Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
E-mail: ihsanzul95@gmail.com

Fathullah Asni

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
Malaysia
Email: fathullah@usm.my

<i>Article Progress:</i>	<i>ABSTRACT</i>
<p><i>Submission date:</i> 01-12-2023</p> <p><i>Accepted date:</i> 20-12-2023</p>	<p><i>Islam allows lending as an alternative to assist those in need of financial help. It constitutes one of the contracts motivated by benevolence (tabarru'). Fundamentally, lending in Islam (qard ḥasan) is executed through two conditions, namely, lending with the condition of repayment and without the stipulation of interest. Therefore, Islam does not recognize loans accompanied by additional payments or interest. However, the concept of qard ḥasan has less prominence among financial institutions such as banks because it lacks profit motivation besides the significant risk factor. Consequently, it is considered more relevant for implementation through zakat funds due to the same altruistic basis. Nonetheless, cautious research is needed to prevent zakat funds from being exposed to risks. The purpose of this study is to highlight the implementation of this concept by Islamic countries and the extent of its effectiveness. This qualitative study relies on document analysis based on literature review encompassing books, articles, official websites, and others. The study findings reveal that the concept of microfinance through qard ḥasan has been implemented in several countries such as Indonesia, Kuwait and Algeria. The study recommends further research on the sustainability issue of zakat funds used for microfinance through qard ḥasan. This aims to prevent zakat funds from being exposed to diminishing risks that could compromise the rights of the beneficiaries (asnaf).</i></p>

Keywords: zakat, micro credit, qard ḥasan, lending, pandemic

1. PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kemunculan golongan baharu yang terdedah kepada pinjaman mikro kredit daripada ceti haram. Antara mereka ada yang kehilangan pekerjaan, terpaksa mengambil cuti tanpa gaji, atau terpaksa menutup perniagaan buat sementara waktu berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan oleh kerajaan (Fabeil et al., 2020; Hasbulah et al., 2022). Keadaan ini dijangka berterusan walaupun selepas wabak ini berakhir lantas ia memerlukan campur tangan kewangan daripada pihak yang berkaitan (Ali, 2022; Asni, 2021).

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang berfungsi sebagai sistem pengagihan semula kekayaan. Ia diharapkan dapat menangani isu kemiskinan dan ketidaksamaan sosial agar kekayaan tidak hanya berlegar dalam kalangan golongan kaya sahaja (Quran, 59:7) (Mohamad et al., 2022; Noor et al., 2022). Dalam jangka masa panjang, seorang *mustāhiq* (penerima zakat) seharusnya dapat melepaskan diri dari kemiskinan dan akhirnya menjadi *muzakkī* (pembayar zakat) (Ibrahim, 2018; Asni et al., 2023).

Namun, krisis pandemik telah menjelaskan jumlah kutipan zakat. Beberapa negeri di Malaysia dan negara lain melaporkan defisit dalam dana zakat berikutan penurunan kutipan zakat dan peningkatan dalam pengagihan zakat (Shaharin et al., 2021; Halim et al., 2022). Oleh itu, terdapat keperluan bagi membangunkan ekosistem zakat yang mampu menjamin kelestarian dana zakat, salah satunya adalah melalui mekanisme pembiayaan mikro kredit. Dalam hal ini, dana zakat ditawarkan sebagai pembiayaan mikro kredit melalui *qard hasan* (pinjaman tanpa faedah), yang memerlukan pembayaran balik daripada penerima asnaf dan bukannya pemindahan tunai segera dan mudah (Hasbulah, 2022).

Qard hasan daripada dana zakat diharuskan oleh ulama kontemporari. Pandangan ini disandarkan kepada beberapa tokoh seperti Mustafa al-Zarqa, Yusuf al-Qaradawi, Muhammad Abu Zahrah, Abd al-Wahab Khallaf, Abd al-Rahman Hasan, Muhammad al-Zuhayli dan Abd al-Sattar Abu Ghuddah (Muhd Adnan et al. 2021; Asni et al., 2023). Ia berdasarkan *qiyās awlā* iaitu sekiranya golongan *ghārimīn* (yang dibelenggu hutang) diberi dana zakat bagi melangsankannya hutang mereka, maka lebih utama sekiranya dana zakat itu digunakan untuk memberi hutang. Ini disebabkan seseorang yang mencari pinjaman akhirnya akan menjadi penghutang (*bi i'tibār mā sayakūn*) dan menjadikannya salah seorang daripada penerima zakat (al-Qaradawi, 1994). Tambahan pula, menurut mazhab Syafii, institusi zakat dalam kapasitinya sebagai amil diberi

kuasa penuh untuk menentukan mekanisme pengagihan zakat yang sesuai berdasarkan *maṣlahah, hājrah* dan *maqāṣid “āmmah*.

Ulama yang mengharuskan pembiayaan ini berpandangan bahawa ayat 60 Surah al-Tawbah tidak menyatakan secara jelas tentang kewajipan *tamīk* (pemindahan hak milik secara langsung) dalam pengagihan zakat (al-Qaradawi, 1994). Sekiranya ia wajib sekalipun, sebahagian ulama berpandangan bahawa agihan zakat secara *qard ḥasan* telah memenuhi definisi *tamīk*.

Selain itu, antara tujuan utama pengagihan zakat adalah bagi membangunkan potensi golongan asnaf. Ia dapat dicapai dengan agihan zakat secara produktif. Mazhab Syafii dan Hambali mengharuskan agihan zakat sebagai modal kerja. Pembiayaan mikro kredit-*qard ḥasan* daripada dana zakat akan bermanfaat kepada asnaf dengan menggalakkan semangat keusahawanan disamping mengelakkan mereka daripada riba (Ali, 2022). Justeru, kajian ini akan melihat pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard ḥasan* di beberapa institusi zakat sebagai potensi untuk dilaksanakan di Malaysia.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pengumpulan data sekunder yang diperoleh daripada buku, artikel jurnal, prosiding, akhbar, laman web rasmi dan pekeliling yang berkaitan terhadap dua subjek utama perbincangan iaitu pembiayaan mikro kredit-*qard ḥasan* melalui dana zakat dan potensi pembiayaan tersebut. Seterusnya analisis data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mencapai objektif kajian iaitu melibatkan proses pengenalpastian, penyaringan, penafsiran dan pembahagian data dalam kategori aspek pengurusan zakat khususnya dalam kaedah pengagihan secara pembiayaan mikro kredit-*qard ḥasan*.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

3.1 Bayt al-Zakah Kuwait

Bayt al-Zakah Kuwait ditubuhkan pada 16 Januari 1982 mengikut undang-undang no. 5 tahun 1982 sebagai sebuah institusi berkepentingan umum, bebas dan beroperasi secara sah di bawah pengawasan Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Kuwait. Penubuhan Bayt al-Zakah merupakan perintis bagi menguruskan hal ehwal zakat dan memudahkan pengurusannya. Ia berfungsi sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam kutipan dan agihan zakat bagi seluruh negara dengan cara yang terbaik, cekap dan mengikut undang-undang bersesuaian dengan perkembangan semasa dan keperluan masyarakat (Ilyas, 2020).

Bayt al-Zakah tidak mempunyai autoriti untuk memaksa individu membayar zakat kepada mereka, namun institusi ini boleh menggalakkan orang ramai untuk membayar zakat kepada mereka. Selain itu, Bayt al-Zakah juga berhak menerima zakat daripada sesiapa sahaja yang membayar zakat kepada mereka. Sumber dana zakat di Bayt al-Zakah diperoleh melalui pembayaran zakat oleh individu, sumbangan dari pelbagai organisasi serta bantuan tahunan daripada syarikat dan kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam menerima zakat daripada masyarakat, terdapat dua cara, iaitu pembayaran secara tunai dan pemotongan bulanan daripada akaun pembayar zakat (Ilyas, 2020).

Dalam usaha meningkatkan motivasi dan pendekatan persuasif dalam masyarakat agar terus membayar zakat, Bayt al-Zakah mengambil langkah-langkah penting dalam pengurusan zakat. Mereka mengamalkan strategi-strategi berikut untuk mencapai pengurusan yang terbaik iaitu, 1); meningkatkan harapan pembayar zakat, 2); menetapkan piawaian pengurusan yang tinggi, 3); mematuhi undang-undang syariah, 3); menggunakan pelan strategik, 4); menjamin kualiti sistem syariah, kewangan dan pentadbiran, 5); memanfaatkan sumber Bayt al-Zakah dengan sebaik-baiknya, 6); memberi tumpuan kepada pelaksanaan konsep dan kerja kumpulan serta 7); bekerja ke arah peningkatan produktiviti organisasi. Dengan mengamalkan strategi-strategi ini, Bayt al-Zakah berhasil meningkatkan motivasi dan pendekatan persuasif dalam masyarakat (Ahmad et al., 2015).

Fatimah al-Rashidi, Pengarah Perkhidmatan Sosial Bayt al-Zakah melaporkan bahawa jumlah bantuan pinjaman *qard hasan* dan bantuan yang telah disalurkan oleh Bayt al-Zakah sejak awal Januari hingga akhir April bagi tahun 2017 adalah sebanyak KD8 321 210. Bantuan ini telah diberikan kepada seramai 21,761 keluarga. Dana tersebut telah diagihkan dalam bentuk bantuan bulanan, bantuan sekali beri dan pinjaman berdasarkan akad *qard hasan*. Berikut adalah perincian pengagihan dana tersebut (Zakat House, t.t):

1. Bantuan bulanan sebanyak KD1,471,990 telah diberikan kepada seramai 2,093 keluarga.
2. Bantuan sekali gus sebanyak KD5,604,070 telah diberikan kepada seramai 19,215 keluarga.
3. Pinjaman dalam bentuk *qard hasan* sebanyak KD1,245,150 telah diberikan kepada seramai 453 keluarga.

Fatimah menjelaskan bahawa Bayt al-Zakah melakukan kajian kewangan menyeluruh terhadap setiap pemohon dari pelbagai aspek termasuk pendapatan, tanggungan kewangan dan komitmen bulanan yang perlu ditanggung. Semua faktor ini diambil kira untuk memenuhi syarat-

syarat dan kelayakan yang ditetapkan bagi mendapatkan bantuan dan pinjaman *qard hasan*. Tujuannya adalah untuk memastikan keperluan sebenar pemohon yang mencari bantuan dapat dipenuhi dengan sebaiknya (Zakat House, t.t).

Kaedah Pengagihan

Bayt al-Zakah telah mengatur beberapa peringkat proses yang perlu dilalui, iaitu 1); menyemak setiap dokumen yang dikemukakan dan menjalankan kajian sosial yang diperlukan oleh penyelidik, 2); mengesahkan permohonan berdasarkan syarat-syarat yang telah diluluskan oleh peraturan bantuan dan pinjaman *qard hasan*, 3); permohonan kemudiannya diperiksa oleh Jabatan Audit Permohonan, 4); permohonan tersebut diserahkan kepada jawatankuasa pengambilan keputusan (Zakat House, t.t).

Melalui prosedur ini beberapa perkara dapat ditentukan, seperti sama ada pemohon dan keluarganya memerlukan bantuan secara bulanan atau sekali gus. Selain itu, prosedur ini membolehkan pihak pengurusan untuk menentukan sama ada pemohon berhak menerima bantuan setiap tiga bulan, empat bulan, enam bulan atau setiap tahun. Keputusan ini bergantung kepada kes dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh peraturan bantuan kewangan (Zakat House, t.t).

Berkenaan dengan pinjaman *qard hasan*, had jumlah maksimum yang disediakan dalam program tersebut di Bayt al-Zakah adalah KD3,000. Jumlah yang diberikan kepada setiap individu bergantung kepada penilaian pihak Bayt al-Zakah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pinjaman ini diberikan kepada golongan yang memerlukannya, termasuklah dalam hal-hal yang melibatkan isu perubatan, pembinaan dan pemulihan, pembayaran hutang melalui keputusan mahkamah, serta pelajar universiti yang sedang menjalani tahun akhir pengajian. Selain itu, mereka yang terkena kesan secara kewangan akibat kebakaran, kecurian, atau kemalangan jalan raya juga layak untuk memohon (Zakat House, t.t).

Untuk memudahkan proses permohonan, Bayt al-Zakah melalui Jabatan Perkhidmatan Sosial, telah membangunkan sebuah laman web yang boleh diakses secara atas talian di www.zakathouse.org. Oleh itu, pelanggan yang ingin mengemukakan permohonan bantuan atau pinjaman *qard hasan* boleh melakukannya secara atas talian (Zakat House, t.t).

Kaedah Pemantauan

Bayt al-Zakah melakukan pemantauan dengan memberikan penekanan kepada para peminjam mengenai isu pembayaran semula setelah mereka menerima dana pembiayaan melalui skim *qard hasan*. Berkaitan dengan pembayaran semula pinjaman, nilai pinjaman perlu dibayar kembali melalui pembayaran bulanan yang tidak melebihi 30 kali bayaran. Selain itu, peminjam akan

memulakan pembayaran pertama mereka setelah tempoh dua bulan selepas menerima dana tersebut (Zakat House, t.t).

3.2 Sunduq al-Zakah Algeria

Sunduq al-Zakah Algeria telah ditubuhkan pada tahun 2003 oleh Kementerian Hal Ehwal Agama dan Wakaf Algeria. Sunduq al-Zakah ialah sebuah institusi keagamaan, sosial dan kebajikan yang berusaha mengumpul dana zakat daripada pembayar zakat yang diselia oleh badan-badan yang beroperasi di bawah kuasa Kementerian Hal Ehwal Agama dan Wakaf Algeria. Dana zakat diurus dan diagihkan kepada umat Islam yang memerlukan di Algeria. Kementerian Hal Ehwal agama dan Wakaf di Algeria turut mengawasi institusi dengan jaminan perlindungan undang-undang mengikut undang-undang yang pengawalan institusi masjid (Aminah Hamadah & Faiza Hamu, t.t).

Pada mulanya, dana daripada Sunduq al-Zakah hanya diagihkan kepada golongan yang memerlukan. Golongan tersebut terdiri daripada mereka yang tidak mampu bekerja seperti wanita dan ibu yang diceraikan, warga emas dan OKU tanpa pendapatan atau pemberian rasmi. Bantuan kepada golongan tersebut diberikan secara berkala iaitu setiap setahun, setengah tahun atau tiga bulan sekali. Apabila bilangan graduan universiti yang menganggur meningkat dan pendapatan Sunduq al-Zakah meningkat, penggunaan dana zakat diperluaskan untuk dimasukkan ke bahagian pelaburan (Aminah Hamadah & Faiza Hamu, t.t).

Dana Pelaburan Zakat (DPZ) ialah dana yang diambil daripada dana zakat dan diperuntukkan untuk pemberian pinjaman bagi golongan tertentu di Algeria. Ia juga dikenali di negara Islam lain sebagai *qard hasan*. Kewujudan DPZ ini telah menyumbang kepada usaha memerangi kemiskinan dan mengurangkan pengangguran yang sedang meningkat naik terutamanya dalam kalangan anak muda, sama ada yang berpendidikan ataupun tidak. DPZ ini bertujuan menyalurkan sebahagian daripada dana zakat kepada graduan muda yang menganggur dari universiti dan pusat latihan vokasional, kepada tukang dan keluarga produktif dalam pasaran buruh serta golongan lain yang mampu bekerja seperti. Antara sektor yang terlibat dalam pembiayaan daripada DPZ adalah industri perubatan dan paramedik, industri kraftangan, industri perkhidmatan, industri penghasilan dan industri pertanian wanita (Mufid Abdul al-Lawi & Najiah Solihi, t.t).

Sektor yang dibiayai secara *qard hasan* ini haruslah menepati beberapa syarat. Pertamanya adalah sektor tersebut haruslah sektor yang memberikan impak yang positif iaitu penerima dana tersebut tidak kekal miskin pada akhir kontrak bahkan penerima tersebut perlu

menjadi *muzakkī* serta membuka peluang pekerjaan kepada golongan miskin yang lain. Seterusnya, sektor tersebut harus menyumbang dalam merangsang ekonomi negeri dan mengurangkan tekanan pengangguran ke atas belanjawan negeri. Syarat terakhir adalah sektor tersebut tidak bersalah dengan Syarak serta tidak berbahaya kepada masyarakat (Mufid Abdul al-Lawi & Najiah Solihi, t.t).

Pinjaman daripada Sunduq al-Zakah dapat diperoleh oleh *mustahiq* dengan melakukan permohonan kepada jawatankuasa undang-undang Sunduq al-Zakah. Jawatankuasa undang-undang akan memastikan bahawa pemohon tersebut benar-benar layak untuk diberikan pinjaman dengan kerjasama pengurusan masjid dan jawatankuasa kejiranan setempat. Setelah dipastikan pemohon tersebut layak untuk menerima pinjaman, jawatankuasa undang-undang menerima permohonan tersebut untuk diperoses. Permohonan yang diterima akan dihantar kepada jawatankuasa Tabung Zakat Algeria (Mufid Abdul al-Lawi & Najiah Solihi, t.t).

Seterusnya jawatankuasa Sunduq al-Zakah akan menyusun permohonan mengikut keutamaan dalam kelayakan berdasarkan penerima yang paling terjejas dan yang paling berfaedah untuk diberikan pinjaman. Satu senarai khas dihantar kepada agensi yang menguruskan pekerjaan belia untuk memanggil penerima yang layak bagi melengkapkan dokumen mengikut prosedur yang diamalkan. Penerima pembentangan dihubungi untuk melengkapkan dokumen yang diperlukan untuk insurans pengangguran nasional yang diluluskan oleh jawatankuasa negeri kepada Bank al-Baraka. Akhir sekali, Bank al-Baraka akan memutuskan sama ada pemohon tersebut boleh dibiayai ataupun tidak. (Mufid Abdul al-Lawi & Najiah Solihi, t.t).

3.3 Dompet Dhuafa Indonesia

Yayasan Dompet Dhuafa Republika atau lebih dikenali sebagai Dompet Dhuafa ditubuhkan secara rasmi pada 14 September 1994. Dompet Dhuafa adalah sebuah institusi bukan kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengurus dana zakat, infak, sedekah dan wakaf (ZISWAF). Yayasan ini juga dikenali sebagai sebuah organisasi kemanusiaan yang bertujuan untuk memajukan status kehidupan masyarakat (Dompet Dhuafa, t.t).

Komitmen yayasan ini dalam mendukung pembangunan masyarakat dilihat melalui pelbagai program yang dianjurkan meliputi aspek dakwah dan budaya, ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Dalam hal ekonomi, program-program seperti Pertanian Sehat, Peternakan Rakyat, UMKM Kreatif, Social Trust Fund, Agroindustri, Sentra Ternak, Kebun Pangan Keluarga dan Cash for Work telah dijalankan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat. Salah

satu program yang sangat relevan dengan isu penggunaan dana zakat untuk pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* adalah program Social Trust Fund (STF) (Dompet Dhuafa, t.t.).

Yayasan Dompet Dhuafa telah menetapkan prosedur khusus untuk pembiayaan *qard hasan* yang meliputi langkah-langkah berikut, 1); para pemohon yang beragama Islam hendaklah menghantar permohonan kepada Dompet Dhuafa, 2); maklumat lengkap harus disampaikan, termasuk senarai nama peserta yang menghantar permohonan sendiri atau dicadangkan oleh kepala lingkungan (ketua wilayah), keluarga dan pihak Social Trust Fund (STF) sendiri, 3); pihak STF akan melakukan tinjauan yang mencakupi penilaian terhadap perniagaan yang dijalankan, pendapatan yang diperoleh dan faktor-faktor terkait lainnya untuk calon penerima pembiayaan, 4); data yang telah disahkan akan dikirim ke STF Pusat bersama dengan dokumen yang telah dipersetujui oleh *mustahiq*, 5); setelah lulus dan mendapatkan persetujuan dari STF Pusat, *mustahiq* akan menerima latihan tentang program STF dan Yayasan Dompet Dhuafa sebelum dana pembiayaan diberikan, 6); setelah menerima dana pembiayaan dan mendapatkan tanda terima dari STF, *mustahiq* berhak menggunakan dana zakat tersebut untuk perniagaannya (Dompet Dhuafa, t.t.).

Setelah berhasil mendapatkan pembiayaan tersebut, pihak STF akan melakukan pemantauan terhadap *mustahiq*, sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Selain itu, STF juga menyusun kursus yang relevan bagi *mustahiq* agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan keterampilan dalam mengembangkan perniagaan mereka (Dompet Dhuafa, t.t.).

Di samping itu, STF juga mengadakan pertemuan dengan para *mustahiq*. Pertemuan ini tidak hanya untuk tujuan pengawasan, tetapi juga sebagai aktiviti pembelajaran (Siregar, 2018). Menurut kajian yang dijalankan oleh Siregar (2018), kajian penilaian terhadap 31 responden yang menerima dana pembiayaan menunjukkan bahawa pendapatan *mustahiq* meningkat secara signifikan setelah menerima bantuan dana. Ini menunjukkan bahawa program yang disediakan oleh Dompet Dhuafa melalui program Sosial Trust Fund (STF) telah berhasil meningkatkan taraf kehidupan golongan asnaf. Hal ini menunjukkan bahawa sistem pengagihan yang tersusun baik serta pemantauan secara berkala mampu mengurangkan risiko kegagalan dalam pelaksanaan program tersebut.

3.4 Potensi Pelaksanaan di Malaysia

Pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* menggunakan dana zakat dilihat berpotensi untuk dilaksanakan di Malaysia melalui institusi zakat negeri dan wilayah. Kaedah pengagihan seperti ini dibenarkan oleh syarak berdasarkan hujah yang digariskan oleh fuqaha antaranya *qiyās awlāmī* kepada pengagihan dana zakat kepada asnaf gharimin, hak institusi zakat sebagai amil untuk menentukan kaedah pengagihan yang sesuai berdasarkan *mashlahah*, *hājāh* dan *maqāṣid* “āmmah” serta keharusan pengagihan dana zakat dalam bentuk modal kerja. Tambahan lagi, terdapat beberapa fatwa negeri yang telah mengharuskan dana zakat diagihkan dalam bentuk pinjaman. Antaranya adalah fatwa di Selangor, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan hukum pembiayaan ini dengan membenarkan pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Mualaf (DAM) (Muhd Adnan et al., 2021).

Jawatankuasa Fatwa Melaka pada tahun 2011 membenarkannya menerusi skim bantuan pinjaman perniagaan secara *qard hasan* daripada asnaf *ghārimīn*. Ia boleh dimohon oleh sesiapa sahaja tanpa mengambil kira pendapatan pemohon salagi mana perniagaan yang dijalankan tidak bercanggahan dengan hukum syarak. Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meluluskan konsep pembiayaan mikro kredit Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) iaitu dengan menawarkan bantuan pinjaman bermula RM3,000 kepada usahawan asnaf menggunakan peruntukan dana amil zakat (Muhd Adnan et al., 2021).

Melihat kepada keadaan pasca pandemik yang telah memberi impak kepada masyarakat, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-15 yang bersidang pada 7-8 Julai 2021 turut memuatkan perbincangan mengenai potensi penggunaan dana zakat untuk diberikan dalam bentuk pembiayaan mikro kredit. Resolusi persidangan tersebut telah memutuskan bahawa dana zakat boleh digunakan bagi tujuan pembiayaan usahawan asnaf terutamanya yang terkesan dengan pandemik secara *qard hasan*, mengikut parameter dan *dawābit* tertentu. Oleh itu, resolusi persidangan turut mencadangkan kajian lanjut dijalankan bagi membina parameter bagi pelaksanaan pembiayaan mikro kredit *qard hasan* melalui dana zakat pasca pandemik (Abd Rahman et al., 2022).

Antara usaha yang boleh diusahakan oleh institusi zakat adalah melakukan kerjasama dan kolaborasi bersama pihak yang berpengalaman dalam menguruskan program pembangunan masyarakat seperti TEKUN dan AIM. Selain itu, kerjasama pintar dan strategik antara perbankan Islam dan institusi zakat juga dilihat perlu diperkasakan. Pihak perbankan Islam

mempunyai berkepakaran dalam pengurusan kewangan, maka ia boleh membantu institusi zakat dalam menguruskan dana zakat bagi pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* ini. Oleh itu, dengan kerjasama bersama pihak berkepakaran dan dengan kapasiti yang ada, pembiayaan ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif serta dapat mengurangkan risiko kegagalan.

4. KESIMPULAN

Pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* daripada dana zakat merupakan salah satu mekanisme pelaburan secara langsung kepada dengan golongan fakir dan miskin. Kaedah pengagihan seperti ini termasuk dalam permasalahan mualamat yang hukumnya tidak ditunjukkan secara jelas oleh nas. Justeru, ia terbuka kepada ijihad para ulama untuk memenuhi keperluan dan hajat hidup manusia sesuai dengan zaman, tempat dan situasi masyarakat demi mewujudkan kemaslahatan penerima zakat khasnya golongan fakir miskin khususnya usahawan-usahawan kecil. Modal kerja yang cukup akan menjadikan usahawan kecil mampu membebaskan diri daripada kemiskinan dan akhirnya akan menjadi pembayar zakat. Institusi zakat di Malaysia boleh melihat implementasi negara-negara Islam yang lain sebagai model untuk mengaplikasi pemberian modal kerja dalam bentuk pembiayaan mikro kredit yang dibiayai daripada dana zakat khususnya pasca pandemik. Hasil kajian mencadangkan agar dilakukan suatu penelitian terhadap isu kelestarian harta zakat yang digunakan bagi pembiayaan mikro kredit-*qard hasan*. Ia bertujuan mengelakkan dana zakat daripada terdedah kepada risiko berkurangan sehingga menjaskan hak asnaf.

PENGHARGAAN

Penghargaan: Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SSI0/KUIPS/02/1). Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Islam Perlis kerana memberi sokongan sepanjang kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

Abd Rahman, A. H., Abdullah, M. F., Muhd Adnan, N. I., Nik Abdul Ghani, N. A. R. (2022). Implementasi Mikro Kredit Berasaskan Qard Hasan Bagi Dana Zakat. ISRA.

Ali, M. M. (2022). Qard-Based Zakat Financing: A Fiqhi Analysis. *ICR Journal* 13(1), 153-156.

- Al-Idrisi, A. M. S. & Muhammad, B. B. (2019). Algerian Experience in Using Zakat Funds in Financing Small Projects for the Period (2010-2018). *Academic Journal of Nawroz University*, 8(1), 46-58.
- Al-Qaradawi. (1994). *Fiqh al-Zakah*. Muassasah al-Risalah.
- Ameur. A. A. & Ahssen. D. (2019). The Application of the Hassan Loan in Algeria: Social Experience and Solutions. *Economy*, 6(2): 56-64.
- Aminah Hamadah dan Faiezah Hamu. (t.t), Dur Sonduq al-Zakah Fi Da'amu Wa tarqiah al-Muassasah al-shaghir wal Mutawasit. Universiti Bhasyar.
- Asni, F. (2021). Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPS Ketika Covid-19 di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian: Management of Zakat Collection and Distribution By Maips During Covid-19 In Perlis: A Literature Review. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 4(2 December), 1-13.
- Asni, F., Noor, A. M., Hasbulah, M. H., Rani, M. A. M., & Abd Mutualib, H. (2023). Analysis Of Maips Strategies In Zakat Management To Address The Impact Of Covid-19 In Perlis. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 1189-1209.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Zulkifli, M. I. (2023). Micro Credit-Qard Hasan Financing Mechanism Through Zakat Funding By Baznas Indonesia. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 2643-2659.
- Aziz, N. A., Othman, J., Lugova, H., Suleiman, A., O., & Cluster, S. W. (2020). Malaysia's approach in handling COVID-19 onslaught: Report on the Movement Control Order (MCO) and targeted screening to reduce community infection rate and impact on public health and economy. *Journal of infection and public health*.
- Dompet Dhuafa. (t.t). Social Trust Fund. *Portal Dompet Dhuafa*.
<https://donasi.dompetdhuafa.org/socialtrustfund/>
- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The impact of COVID-19 pandemic crisis on micro-enterprises: entrepreneurs' perspective on business continuity and recovery strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2).
- Halim, W. M. A. W., Asni, F., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. (2022). Strategy in Zakat Collection and Distribution by Lzs in Selangor During Covid-19. *International Journal of*

- Academic Research in Business and Social Sciences, 12(8), 1965 - 1977.
- Hasbulah, M. H., Asni, F., Noor, A. M., & Halim, W. M. A. W. (2022). Economic impact of Covid-19 outbreak: a study of zakat collection and distribution management in Zakat Penang (ZP). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1047-1066.
- Hasbulah, M. H., Noor, A. M., Asni, F., Halim, W. M. A. W., & Zuki, M. F. M. (2022). Management of zakat collection and distribution during the Covid-19 pandemic: a case study on Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(7), 1394-1404.
- Ibrahim, M. A. (2015). *Pandangan Cendekiawan Zakat di Malaysia terhadap Pembiayaan Mikro Kredit daripada Dana Zakat*. Universiti Sains Malaysia.
- Ilyas, M. (2020). Analisis Perbandingan Pengelolaan Zakat di Indonesia, Sudan dan Kuwait. Politeknik Negeri Banjarmasin.
- Mohamad, N. M., Arizan, A. T., & Asni, F. (2022). An Analysis Of Income Zakat Payment Practice Among The Staff Of Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS): Analisis Amalan Bayaran Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS). *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 25(1), 1-11.
- Mufid Abdul al-Lawi & Najiah Solihi (t.t). Istrarijjah al-Tamwil Mtnahi al-Songhir al-Islami FI Jazair Litahqiq al-Tamniyah al-Mustadamah-Dirasah Halah Sonduq ak-Zakah bil Jazair. Jamiah al-Wadi.
- Muhd Adnan, N. I. (2015). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat Di Baitulmal Aceh Dan Potensi Pelaksanaan Di Institusi-Institusi Di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Muhd Adnan, N. I., Nik Abdul Ghani, N. A. R., Abd Rahman, A. H., & Abdullah, A. F. (2021). Zakat dan Pembiayaan Mikro: Inovasi Agihan untuk Kelestarian Dana Zakat. Alliance Islamic Bank.
- Noor, A. M., Asni, F., Hasbulah, M. H., Halim, W. M. A. W., Mutalib, H. A., & Bakar, M. A. (2022). Zakat Collection and Distribution Methods in The Phase of Covid-19 Pandemic: Analysis of its Implementation in Perak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 97 - 109.
- Nurcahaya et al. (2019). Al-Qardh Dari Harta Zakat Bagi Mustahiq dan Implementasinya di Baznas Indonesia dan PPZ Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 202-220.

- Shaharin, N., Bhari, A., Yusof, M. F. M., & Yaakob, M. A. Z. (2021). An Analysis on the zakat distribution at Lembaga Zakat Selangor during the COVID-19 pandemic. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 11(1), 1-10.
- Shakeel, S., Hassali, M. A. A., & Naqvi, A. A. (2020). Health and economic impact of COVID-19: Mapping the consequences of a pandemic in Malaysia. *The Malaysian journal of medical sciences: MJMS*, 27(2), 159.
- Zakat House (t.t), About Zakat House. Portal Zakat House.
https://www.zakathouse.org.kw/zakateng_page.aspx?id=653